

Headline	Kos haji dijangka terus meningkat		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	22 Nov 2016	Color	Black/white
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	10	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	273 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 893
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 2,679



**PENGHARGAAN ...** Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom menyampaikan cenderahati kepada Setiausaha Pertama, Kedutaan Diraja Arab Saudi Ali Ibrahim A. Alheji pada Majlis Kesyukuran Tamat Operasi Musim Haji 1437H/2016M di Menara Tabung Haji semalam. Turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji Datuk Johan Abdullah (kiri). -foto BERNAMA

## Kos haji dijangka terus meningkat

**KUALA LUMPUR:** Kos menaikan haji dijangka terus meningkat disebabkan kos penginapan, pengangkutan, makan-minum dan lain-lain perkhidmatan turut bertambah, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom.

Beliau berkata peningkatan kos haji berlaku setiap tahun dan pada musim Haji 1437 Hijrah (H)/2016 yang baru selesai, ia sudah mencecah RM18,890 seorang.

"Tabung Haji (TH) dengan sokongan kerajaan, masih dapat mengekalkan bayaran haji sebanyak RM9,980 seorang jemaah haji 'Muasassah' sejak tahun 2009.

Pada musim yang lalu sahaja, jumlah keseluruhan subsidi

haji yang ditanggung oleh TH adalah melebihi RM160 juta," kata beliau dalam ucapan di Majlis Kesyukuran Tamat Operasi Haji Musim 1437H di sini, semalam.

Sejumlah 31 jabatan/agensi kerajaan dan swasta termasuk wakil Kerajaan serta Kedutaan Arab Saudi telah diberikan penghargaan atas kerjasama dan sokongan yang telah diberikan, pada majlis itu.

Jamil Khir berkata operasi pengendalian jemaah haji negara bagi musim haji 1437H dianggap sangat baik dan berjaya mencapai objektifnya dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada para jemaah hasil muafakat semua pihak.

Beliau berkata operasi haji 1437H yang lalu telah berjalan

dengan lancar tanpa sebarang insiden besar atau buruk yang tidak diingini.

Tambah beliau, kecemerlangan TH dan Malaysia dalam pengurusan Haji telah membuka mata ramai pihak dan mendapat perhatian negara-negara luar.

"Senario ini memberi keyakinan kepada kita sebagai umat Islam di Malaysia bahawa pengurusan haji yang dijalankan secara muafakat oleh semua agensi kerajaan dan swasta pasti membuahkan kejayaan," kata beliau.

Turut hadir Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif TH, Datuk Johan Abdullah dan Setiausaha Pertama, Kedutaan Diraja Arab Saudi, Ali Ibrahim A. Alheji. - Bernama